

Penduduk tempatan jadi mata, telinga

SEBANYAK empat lokasi pembuangan sampah haram dikesan beroperasi dalam kawasan Gombak Setia iaitu Fasa 8 Sri Gombak, Sungai Pusu, Batu 9 dan Taman Melati bersebelahan Lebuh raya Lingkaran Tengah 2.

Adun Gombak Setia, Hasbullah Ridzwan berkata, kesemua lokasi tersebut



HASBULLAH

telah diambil tindakan sebelum ini termasuk pengeluaran notis kompaun kepada sitaan kerana salah guna tanah.

Menurutnya, kesemua lokasi tersebut menjalankan aktiviti pembuangan sisa batuan dan pasir hanya di Batu 9. Operator tapak membenarkan sampah domestik serta pukal dibuang ke kawasan tersebut.

"Mereka mampu beroperasi bukan kerana kebal, tapi degil. Tambahan aktiviti mereka disokong pula segelintir penduduk tempatan yang jadi mata dan telinga.

"Tindakan mengekang aktiviti tersebut melalui membina halangan tembok dan menggali lubang juga telah dilakukan tapi telah dicabar apabila dirobohkan oleh mereka," katanya.

Tambahnya, tindakan serta-merta sepatutnya diambil susulan daripada lawatan menteri besar baru-baru ini yang telah memberikan amaran supaya semua tapak pembuangan sampah haram diselesaikan.

"Rampasan tanah melibatkan dua daripada empat tapak yang telah melepasi tempoh matang perlu disegerakan selepas peluang pemutihan kepada pemilik diberikan sepanjang prosedur tindakan yang tamat tempohnya baru-baru ini," katanya.